BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 05/04/28 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 26 Mei 2004

SIARAN AKHBAR

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2004

Aktiviti ekonomi yang memberangsangkan pada suku pertama

Perkembangan ekonomi semakin kukuh dengan pertumbuhan KDNK benar meningkat pada kadar 7.6% pada suku pertama 2004 berbanding 6.6% pada suku keempat 2003. Aktiviti ekonomi yang memberangsangkan didorong terutamanya oleh sektor swasta, mencerminkan pertumbuhan kukuh yang mapan dalam penggunaan isi rumah dan peningkatan dalam momentum aktiviti pelaburan swasta.



Pertumbuhan adalah menyeluruh meliputi kesemua sektor. Penyumbang utama kepada prestasi KDNK yang mantap adalah pengukuhan pertumbuhan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan sektor perkilangan bertambah kukuh kepada 12.5%, iaitu menyumbang 3.8 mata peratusan kepada KDNK. Pengembangan ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam industri yang berorientasikan eksport dan pertumbuhan yang mapan dalam industri berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan ini mencerminkan permintaan luar negeri yang lebih memberangsangkan, terutamanya bagi elektronik serta permintaan dalam negeri yang semakin baik dan pemulihan dalam kitaran pelaburan yang berterusan.

Dalam industri berorientasikan eksport, pertumbuhan keluaran yang lebih tinggi dicatat dalam industri elektronik, getah dan keluaran kimia. Pertumbuhan mantap dalam industri separa konduktor dihasilkan oleh perbelanjaan korporat yang lebih tinggi untuk produk teknologi maklumat dan perbelanjaan pengguna global dalam segmen produk tanpa wayar yang semakin meningkat. Permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh dalam subsektor elektronik memberi kesan limpahan yang nyata terhadap industri kimia, yang sememangnya sedang meningkat berikutan permintaan gas industri yang lebih tinggi. Peningkatan

dalam industri keluaran getah adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri yang terus meningkat bagi sarung tangan getah. Bagi industri berorientasikan dalam negeri, pertumbuhan disokong terutamanya oleh industri keluaran logam yang direka, makanan serta besi dan keluli.

Aktiviti ekonomi yang lebih teguh bagi keluaran perkhidmatan akhir dan pengantara menyebabkan pertumbuhan nilai ditambah sektor perkhidmatan semakin kukuh kepada 6.2% (S4 2003: 4.7%). Dalam segmen perkhidmatan akhir, pertumbuhan didorong oleh perbelanjaan pengguna yang tinggi ketika pendapatan dalam negeri semakin meningkat dan ketibaan pelancong yang mencapai tahap tertinggi pada suku pertama. Aktiviti perdagangan dalam dan luar negeri dan ketibaan pelancong yang semakin berkembang mendorong pertumbuhan yang lebih tinggi dalam segmen perkhidmatan pengantara terutamanya subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan. Kemantapan pertumbuhan pinjaman, prestasi subsektor insurans, aktiviti pasaran harta tanah serta saham yang lebih kukuh juga menghasilkan permintaan yang meningkat bagi subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Meskipun komoditi pertanian utama mengalami musim pengeluaran yang rendah, sektor ini terus meningkat dengan pengeluaran getah dan minyak sawit yang lebih tinggi ketika harga kekal pada paras yang menguntungkan. Pertumbuhan juga disokong oleh pengeluaran aktiviti pertanian lain yang lebih tinggi seperti ternakan dan perikanan. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor perlombongan melonjak, didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi dan keluaran gas asli yang mapan.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan terus disokong oleh aktiviti subsektor kediaman. Kadar faedah yang rendah, pakej kewangan yang menarik dan insentif di bawah Pakej Ekonomi menyokong permintaan untuk harta benda kediaman. Prestasi subsektor kejuruteraan awam adalah lembap, mencerminkan

terutamanya beberapa projek infrastruktur utama yang telah siap. Aktviti pembinaan, terutamanya subsektor kejuruteraan awam juga terjejas oleh kekurangan sementara bekalan batang besi. Langkah-langkah yang diambil Kerajaan termasuk membenarkan import besi, kawalan yang lebih ketat ke atas eksport dan semakan kepada harga maksimum besi adalah dijangka dapat mengurangkan masalah kekurangan.

Dari segi permintaan, penggunaan swasta yang kekal mantap didorong oleh peningkatan pendapatan boleh guna, suasana perniagaan yang bertambah baik, kadar faedah yang rendah dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Ketika keadaan keyakinan pengguna semakin pulih, kecenderungan mengguna meningkat dengan menyeluruh hasil daripada harga komoditi yang tinggi, kesan kekayaan yang positif ekoran lonjakan prestasi pasaran saham pada suku pertama serta pertumbuhan eksport perkilangan yang kukuh.

Yang penting, momentum pertumbuhan terus mapan disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan modal sektor swasta yang lebih tinggi semenjak aktiviti pelaburan mengalami pemulihan pada suku ketiga 2003. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan serta pengembangan kapasiti terus kukuh berikutan sentimen perniagaan yang bertambah baik sementara penggunaan kapasiti kekal tinggi. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang mapan, pelaburan semula yang lebih tinggi ketika suasana perniagaan bertambah baik serta kepesatan pertumbuhan import barangan modal memperlihatkan trend asas pemulihan pelaburan swasta yang semakin padu.

Sebagai mencerminkan konsolidasi fiskal, sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan menyederhana, sementara sektor swasta memainkan semula peranannya yang lebih besar sebagai pemacu pertumbuhan yang utama. Penggunaan awam meningkat dengan sederhana manakala perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah. Dana pembangunan dikeluarkan terutamanya untuk pendidikan dan latihan, kesihatan, infrastruktur

pengangkutan dan pembangunan pertanian. Defisit fiskal menurun kepada 3.1% daripada KDNK pada suku pertama.

Meskipun permintaan dalam negeri semakin kukuh, inflasi terus berada pada paras yang rendah sebanyak 1%. Bekalan yang mencukupi di samping terdapat persaingan dalam persekitaran perniagaan membendung tekanan inflasi.

Dalam sektor luar negeri, lebihan dagangan menurun daripada RM19.9 bilion pada suku keempat 2003 kepada RM18.6 bilion pada suku pertama 2004 dengan peningkatan import yang lebih kukuh. Sementara eksport kasar berkembang sebanyak 16.6%, import kasar meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 23.4%. Pertumbuhan eksport adalah disebabkan oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang lebih mantap dan pengembangan dalam eksport komoditi pertanian yang mapan manakala perolehan daripada bahan galian meningkat pada kadar yang lebih perlahan. Eksport perkilangan yang lebih tinggi dihasilkan terutamanya oleh peningkatan dalam kitaran elektronik. Harga yang tinggi di samping peningkatan jumlah eksport minyak sawit, getah, kayu bergergaji, gas asli cecair dan minyak mentah menyumbang kepada pertumbuhan perolehan komoditi yang kukuh.

Permintaan dalam negeri yang mantap, pengeluaran yang meningkat, stok barangan pengantara yang bertambah berikutan jangkaan pertumbuhan eksport yang mapan dan aktiviti pelaburan yang bertambah kukuh mendorong peningkatan import yang nyata lebih tinggi. Sejajar dengan peningkatan eksport elektronik, import barangan pengantara yang merupakan input kepada barangan perkilangan mencatat pertumbuhan yang menggalakkan. Selepas mengalami import yang rendah selama beberapa suku tahunan, import barangan modal meningkat dengan lebih tinggi pada suku pertama 2004, mencerminkan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan dan peningkatan kapasiti dalam industri perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas. Seiring dengan

perbelanjaan pengguna swasta yang lebih tinggi, import barangan penggunaan juga meningkat dengan ketara.

Dalam akaun kewangan, kebanyakan aliran masuk FDI disalurkan ke subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perniagaan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, aktiviti eletrik dan elektronik serta perkilangan yang berkaitan petroleum terus menarik aliran masuk FDI baru di samping pelaburan semula oleh syarikat milik bukan pemastautin yang sedia ada.

Sejajar dengan penghantaran balik perolehan eksport yang lebih tinggi, aliran masuk FDI yang mapan dan dana portfolio yang lebih besar, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak AS$6.5 bilion kepada AS$51.3 bilion pada akhir Mac 2004. Rizab antarabangsa terus meningkat kepada AS$53.9 bilion sehingga 14 Mei 2004, cukup untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan sebanyak 5.5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar pertukaran ringgit terus memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan yang semakin meningkat dan disokong oleh peningkatan rizab antarabangsa, hutang luar negeri dan inflasi yang rendah serta sektor perbankan yang utuh. Mata wang ringgit kekal pada nilai saksama.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti yang diterajui sektor swasta

Keadaan monetari pada suku pertama 2004 terus menyokong aktiviti sektor swasta yang bertambah kukuh. Pada suku pertama, kadar faedah kekal rendah dan stabil. Pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kekal tinggi pada kadar tahunan 14.4%, mencerminkan kos peminjaman yang rendah dan permintaan pembiayaan pinjaman yang mapan. Pemberian pinjaman bank kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga kekal memberangsangkan pada suku pertama 2004. Kelulusan pinjaman yang

lebih tinggi dari suku sebelumnya, menyebabkan pengeluaran pinjaman kepada PKS berkembang pada kadar tahunan yang tinggi sebanyak 12.3%, iaitu berjumlah RM23.7 bilion pada suku pertama 2004. Pada suku pertama, sejumlah RM5.7 bilion diluluskan kepada 18,703 PKS. Secara keseluruhan, pinjaman terkumpul sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (SHS) terus meningkat dengan kukuh pada kadar tahunan 8.2%.

Sejajar dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam aktiviti ekonomi yang dipacu oleh sektor swasta serta sektor luar negeri yang bertambah baik, ketiga-tiga agregat monetari meningkat pada suku pertama. Kadar pertumbuhan tahunan M1, M2 dan M3 adalah lebih tinggi, masing-masing sebanyak 19.8%, 12.6% dan 10.7% pada akhir Mac 2004 (masing-masing sebanyak 14.6%, 11.1% dan 9.7% pada akhir Disember 2003). Pertumbuhan M1 yang lebih tinggi mencerminkan permintaan baki urus niaga yang lebih kukuh disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan dan perolehan yang lebih tinggi dalam pasaran ekuiti. Sementara itu, wang luas M3 berkembang sebanyak RM19.1 bilion, mencerminkan pengembangan operasi luar negeri dan pembiayaan sistem perbankan yang lebih tinggi kepada sektor swasta.

Perkembangan yang ketara dalam pengendalian dasar monetari ialah perlaksanaan rangka kerja kadar faedah baru pada bulan April. Perubahan yang diperkenalkan ini bertujuan bagi mempertingkatkan keberkesanan mekanisme penghantaran dasar monetari dan penentuan harga yang lebih cekap oleh institusi perbankan. Berkuat kuasa mulai 26 April 2004, kadar dasar semalaman (KDS) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk bagi teras dasar monetari. Rangka kerja baru ini merupakan perubahan dalam sistem perlaksanaan dasar monetari dan ia tidak menunjukkan perubahan dalam dasar monetari. Oleh itu, KDS ditetapkan pada kadar semalaman antara bank pada ketika itu, iaitu pada tahap 2.70%. Rangka kerja baru telah diterima dengan baik oleh pasaran dan peralihan kepada rangka kerja baru berjalan lancar seperti yang diharapkan. Pada 21 Mei 2004, BLR bank perdagangan, kecuali sebuah

bank, kekal tidak berubah pada tahap 6.00% sementara BLR syarikat kewangan juga kekal tidak berubah pada tahap 6.90%.

Sektor perbankan kukuh

Sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) berada pada tahap 13.5% pada akhir Mac 2004. Keuntungan sektor perbankan meningkat dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3 bilion pada suku pertama disebabkan sebahagiannya oleh peruntukan kerugian pinjaman yang lebih rendah. Pulangan tahunan ke atas aset purata dan ekuiti masing-masing adalah sebanyak 1.4% dan 16.6% (S42003: 1.3% dan 15%). Penghapusan kira oleh institusi perbankan pada akhir tahun kewangan dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) baru yang lebih rendah pada suku pertama menghasilkan nisbah NPL bersih berasaskan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 6.7% pada akhir Mac 2004 (pada akhir Disember 2003: 6.8%).

Prospek pertumbuhan yang mapan

Prospek pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2004 bertambah kukuh dengan ketara dengan perkembangan yang menggalakkan dalam ekonomi global diperkukuh oleh ekonomi dalam negeri yang mantap. Pengembangan ekonomi AS adalah lebih kukuh daripada jangkaan dan prospek pertumbuhan kekal menggalakkan disebabkan terutamanya oleh lonjakan pelaburan dan peningkatan guna tenaga. Kemapanan pemulihan di AS adalah kelihatan lebih teguh. Penunjuk semasa memperlihatkan pertumbuhan yang mantap dan kemapanan dalam pengembangan ekonomi Jepun, sementara pengembangan dalam penggunaan dan pelaburan yang berterusan dijangka menyokong pertumbuhan di kawasan Euro. Pertumbuhan ekonomi serantau dinaikkan sesudah disemak, selaras dengan perdagangan intraserantau yang memberangsangkan berikutan peningkatan dalam elektronik global dan pengembangan yang lebih kukuh dalam permintaan dalam negeri. Pertumbuhan

ekonomi negara China akan kekal teguh dengan peningkatan jualan dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, rantau ini akan terus mendapat faedah daripada peningkatan integrasi dan perdagangan intraserantau yang berkembang dan saling memperteguh momentum serta proses pertumbuhan yang lebih kukuh di Asia.

Beberapa kebimbangan yang timbul baru-baru ini berpusat kepada kemeruapan dan kelembapan yang dijangka melanda negara China, peningkatan harga tenaga dan jangkaan pasaran tentang peningkatan pesat dalam kadar faedah. Sementara kebimbangan ini perlu dipantau dengan rapi, risiko yang seimbang ke atas kemapanan pertumbuhan masih menjurus kepada pengembangan ekonomi. Dengan beberapa langkah yang diperkenalkan di China bagi membendung kemeruapan di kawasan-kawasan dan industri yang terlibat, pertumbuhan dijangka kekal kukuh. Di samping itu, kesan harga tenaga yang lebih tinggi dijangka dapat diatasi melalui peningkatan kecekapan yang berterusan dalam penggunaan tenaga. Sementara itu, penstrukturan semula yang dilaksanakan dalam sektor perbankan dan korporat secara global dan serantau pada dekad yang lepas telah meningkatkan kapasiti ekonomi Asia untuk menyerap kejutan dan memberi kefleksibelan yang lebih luas dalam pengurusan risiko kewangan.

Dari aspek inflasi, walaupun jangkaan bahawa tekanan harga jangka pendek yang lebih tinggi telah muncul, prospek inflasi jangka panjang kekal rendah. Ini berikutan produktiviti yang terus meningkat, tekanan untuk bersaing bagi mencari kelebihan kos rendah yang berterusan lantaran globalisasi dan tambahan kapasiti produktif yang baru. Dengan kewujudan kapasiti berlebihan dalam pasaran barangan dan pekerja, kadar faedah global dijangka meningkat secara beransur-ansur dan sederhana. Bersama-sama dengan peningkatan kapasiti pengurusan risiko sistem kewangan, pengukuhan aliran tunai korporat, peningkatan produktiviti perniagaan dan pekerja, risiko yang seimbang terus menjurus kepada prospek pertumbuhan global yang menggalakkan dan mapan.

Persekitaran luaran yang menggalakkan tetapi lebih mencabar dijangka terus memperteguh pertumbuhan permintaan dalam negeri di Malaysia. Keyakinan pengguna dan perniagaan yang terus meningkat dan harga komoditi yang memberangsangkan dijangka memperkukuh momentum pertumbuhan dalam penggunaan swasta, sementara pemulihan pelaburan swasta akan menjadi semakin mantap. Walau bagaimanapun, sektor awam akan terus kukuh. Penunjuk utama memperlihatkan pertumbuhan mapan yang memberangsangkan. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meningkat sebanyak 2 mata kepada 117.5 mata pada suku pertama, mencerminkan sikap pengguna yang optimis. Kecenderungan mengguna akan dipertingkatkan oleh harga komoditi yang kukuh, perolehan eksport yang lebih tinggi dan pasaran pekerjaan yang stabil.

Prospek pelaburan, menunjukkan peningkatan trend yang mantap. Keuntungan korporat dan kedudukan aliran tunai yang meningkat serta kadar penggunaan kapasiti yang tinggi akan memacu dan mengekalkan pertumbuhan dalam pelaburan swasta. Peningkatan sentimen perniagaan seperti mana yang dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang meningkat sebanyak 2.1 mata ekoran peningkatan jualan, eksport dan tempahan dalam negeri yang lebih tinggi, pengeluaran pinjaman kepada perniagaan dan import barangan pelaburan, menunjukkan pengembangan aktiviti perniagaan yang ke hadapan. Pertumbuhan kukuh Indeks Pelopor yang lancar selama 6 bulan juga menunjukkan prospek ekonomi Malaysia akan kekal menggalakkan sehingga suku ketiga.

Dari segi penawaran, penunjuk elektronik global seperti penjualan separa konduktor SIA secara global, nisbah *book-to-bill* AS dan penghantaran keluaran elektronik AS memperlihatkan kemapanan permintaan global. Ini juga memberi kesan limpahan positif ke atas industri bahan kimia. Momentum pertumbuhan yang teguh dicerminkan oleh penunjuk terpilih seperti aktiviti runcit yang lebih

tinggi, ketibaan pelancong yang mencapai paras tertinggi, aktiviti pelabuhan yang mapan dan peningkatan pengangkutan udara serta pinjaman bank yang lebih tinggi. Ini menunjukkan sektor perkhidmatan berada di landasan untuk mencapai jangkaan pertumbuhannya sebelum ini. Pertumbuhan dalam sektor pertanian dijangka mapan dengan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah dan getah serta penggunaan input yang dipacu produktiviti yang lebih intensif hasil daripada harga komoditi yang menggalakkan.

Harga dalam negeri dijangka kekal rendah. Sementara penggunaan kapasiti meningkat dengan ketara dalam beberapa subsektor, pelaburan swasta baru juga sedang meningkatkan kapasiti. Kesemua ini berserta dengan amalan mempertingkatkan produktiviti mempunyai pengaruh yang dapat membendung tekanan harga yang meningkat akibat kos tenaga yang lebih tinggi dan peningkatan harga komoditi. Tekanan yang kompetitif ke atas margin terus membendung tekanan harga dalam komponen lain Indeks Harga Pengguna, manakala harga aset secara relatifnya kekal stabil. Yang ketara, peningkatan produktiviti telah mengatasi kenaikan dalam kos pekerja yang meliputi keseluruhan ekonomi Malaysia. Berikutan keadaan ekonomi dalam negeri yang teguh dan tekanan inflasi yang kecil, kadar faedah di Malaysia akan kekal rendah untuk masa hadapan.

Bank Negara Malaysia
26 Mei 2005